

# Silat: Persembahan peserta2 dapat pujian

PENCER SILAT

PARA peserta pertandingan di Pesta Silat Kebangsaan 1984 anjuran Persekutuan Silat Singapura (Persisi) telah menunjukkan persembahan yang baik dan memuaskan.

Rumusan ini dibuat oleh setiausaha pertandingan, Encik Johari Urif dan pengerusi pertandingan yang juga menjadi salah seorang pengadil, Encik Abdul Rahim Dayan.

Bagi mereka, persembahan yang ditunjukkan oleh kumpulan-kumpulan peserta memang memuaskan. Bagaimanapun, terdapat sedikit kelemahan dalam sesuatu acara.

## Sedikit kelemahan

Sebagaimana yang dikesan oleh Encik Rahim, kelemahan yang amat dirasakan ialah dalam acara 'Srikandi Muda' yang disertai oleh kumpulan pemudi.

Menurut beliau, terdapat sedikit kelemahan dalam acara ini. Bagaimanapun, beliau yakin ia mungkin berpunca daripada perwatakan kewanitaannya yang memang kurang cergas jika dibandingkan dengan

## Oleh NURYATI DURIAT

gan kaum lelaki.

"Ia tetap boleh diperbaiki," kata Encik Rahim lagi.

Mereka juga berpendapat bahawa seni silat boleh diluaskan lagi kepada lebih ramai muda-mudi kita kerana ia adalah warisan bangsa.

"Diharapkan dengan itu lebih ramai muda-mudi kita yang akan meminati warisan bangsanya sendiri," kata Encik Johari.

Untuk memupuk minat yang lebih besar di kalangan muda-mudi kita terhadap seni silat ini, maka mereka berharap pihak-pihak tertentu seperti kumpulan-kumpulan perguruan silat dapat meninggikan lagi mutu seni mereka agar dapat menarik perhatian ramai muda-mudi.

Encik Johari mensifatkan pesta kali ini memang berjaya dan beliau yakin, kumpulan-kumpulan perguruan silat memainkan peranan yang sangat penting dalam menjayakan lagi pesta-pesta seperti itu di masa-masa akan datang.

Encik Rahim sebagai salah seorang pengadil berkata bahawa dalam pengadilan, ada tiga aspek

yang dititikberatkan. Ia termasuklah persembahan yang meliputi corak pakaian dan tata tertib; seni yang melibatkan pergerakan dan cara-cara membuat jurusan serta beberapa perkara lain dan kecergasan peserta.

Di sinilah beliau mendapati acara 'Srikandi Muda' kurang memuaskan kerana kecergasan yang diharapkan tidak terdapat dalam persembahan-persembahan acara ini.

"Ia boleh diwujudkan dengan latihan yang lebih serius," katanya.

## Peranan penonton

Untuk menjayakan seni ini, beliau berpendapat ibu bapa boleh memainkan peranan penting dengan menggalakkan anak-anak mereka menjadikan silat sebagai salah satu kegiatan mereka.

"Dalam pertandingan pula, peranan penonton penting kerana dengan sokongan moral yang mereka berikan, para peserta akan lebih bersemangat lagi untuk mempersembahkan acara," kata beliau.

Pesta silat selama dua hari itu telah diadakan di Dewan Badminton Singapura, pada Sabtu dan Ahad lalu.